

KAJIAN PERBEZAAN PENCAPAIAN PRESTASI ANTARA KERJA KURSUS  
DENGAN PRAKTIKUM BAGI PENGKHUSUSAN MATEMATIK  
DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

MOHD ZAIN BIN BADUI

Laporan Projek Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat Penganugerahan Ijazah  
Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pengajaran)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

16 NOVEMBER 2009

## **DEDIKASI**

Isteriku tersayang

Siti Hajar binti Mahpol

Dorongan, sokongan, doa dan kesabaranmu terlalu besar ertinya

Anak-anakku yang dikasihi

Uzair Izzuddin

Uzairin Izzaty Zaini

Uzair Idzwan Zain

Uzair Idzmeer Zain

Sememangnya kalianlah sumber inspirasiku

Kekandaku yang disanjung

Hjh Patimah & Hj Rosdi

Pengorbanan dan jasa kalian sejak ku kecil sentiasa tersemat di sanubariku

&

Buat teman-teman di Unit PP IPGM Kampus Temenggong Ibrahim

En. Mohd Jamal bin Maidin

En. Abd Razak bin Mohd Iham

Jasa baik kalian akan ku kenang selamanya

Sekalung ucapan terima kasih atas segala-galanya

&

Semoga Allah memberkati kalian

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhamad S.A.W.

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, tesis sarjana ini dapat disiapkan dengan dengan jayanya. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mohamed Najib bin Abdul Ghafar selaku penyelia projek ini, diatas segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan galakan yang diberikan dalam menjayakan kajian ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Pengarah dan Timbalan-Timbalan Pengarah IPGM Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru diatas segala kerjasama dan bantuan yang telah diberikan sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada teman-teman di Unit Peperiksaan terutamanya En. Mohd Jamal bin Maidin dan En Abd Razak bin Mohd Iham diatas bantuan dan kerjasama yang diberikan.

Teristimewa penghargaan ini ditujukan khas buat isteri tersayang, Siti Hajar binti Mahpol, anak-anak yang dikasihi Uzair Izzuddin Zain, Uzairin Izzaty Zaini, Uzair Idzwan Zain dan Uzair Idzmeer Zain dan kekanda yang disanjung, Hjh Patimah dan Hj Rosdi atas segala dorongan, doa restu dan pengorbanan yang diberi. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada rakan seperjuangan khasnya En. Muhamad Syafiq Sim, En. Suleiman bin Yunos , Tn. Hj Abdullah Zhidi bin Omar dan En. Arshad bin Ismail

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan kajian ini. Segala jasa baik mereka hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pencapaian dan perbezaan prestasi antara kerja kursus dengan praktikum bagi guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Sekolah Rendah Pengkhususan Matematik di IPGM Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru. Kajian ini dijalankan ke atas lima kohot iaitu mulai ambilan Januari 2003 hingga Januari 2008. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujud keseragaman pencapaian antara kerja kursus dengan pencapaian penilaian praktikum. Dapat di rumuskan bahawa pencapaian matapelajaran kerja kursus yang baik mempengaruhi pencapaian penilaian latihan praktikum yang bersifat positif.

## **ABSTRACT**

This research was carried out to study the level of achievement and differences between course work and teaching practicum amongst students of Post Graduate Diploma of Education majoring in mathematics at Temenggong Ibrahim Campus, Johor Bahru. This research was carried out upon five cohorts of students starting from January 2003 until January 2008. The data collected was then analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software. The findings of the research shows that there is a relationship between the achievement of course work with the evaluation achievement of teaching practicum. It can be concluded that a good achievement in course work will have a positive influence upon teaching practicum achievement.

**KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
	<b>DAFTAR KATA RINGKAS</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>

<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Persoalan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Hipotesis Kajian	7

1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Skop dan Batasan kajian	8
1.8	Kerangka Kajian	8
1.9	Definisi Konsep	9
1.9.1	Pencapaian Prestasi	10
1.9.2	Kerja Kursus	11
1.9.3	Praktikum	11
1.9.4	Pengkhususan Matematik	12

## **BAB 2**

## **KAJIAN LITERATUR**

2.1	Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah	14
2.1.1	Kurikulum	15
2.1.2	Struktur Kursus	17
2.1.3	Penilaian	18
2.2	Pengkhususan Matematik	20
2.3	Kerja kursus	24
2.3.1	Model Konseptual Kerja Kursus	25
2.3.2	Tahap Pembelajaran Melalui Kerja Kursus	26
2.3.3	Ciri-Ciri Kerja Kursus	29
2.3.4	Bentuk Tugas Kerja Kursus	32
2.3.5	Strategi Pelaksanaan Kerja Kursus	33
2.3.6	Carta Aliran Pelaksanaan Kerja Kursus	35
2.3.7	Kriteria Pentaksiran Kerja Kursus	36
2.4	Praktikum	37
2.5	Hubungan pencapaian dengan faktor demografi	40

2.6	Perbezaan Pencapaian Prestasi Kerja Kursus Dengan Praktikum	43
-----	---	----

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	45
3.3	Populasi, Sampel dan Lokasi Kajian	46
3.4	Instrumen Kajian	48
3.5	Analisis Data	49
3.5.1	Analisis Deskriptif	50
3.5.2	Analisis Inferensi.	51
3.6	Kalendar Kajian	52

### **BAB 4 KEPUTUSAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	54
4.2	Latar Belakang Responden	55
4.3	Tahap Pencapaian Prestasi Kerja Kursus	58
4.3.1	Prestasi Kerja Kursus Mengikut Faktor Jantina	58
4.3.2	Perbezaan Keputusan Prestasi Kerja Kursus dengan Faktor Jantina	59
4.3.3	Perbezaan Pencapaian Prestasi Kerja Kursus dengan Faktor Bangsa	60
4.4	Tahap Pencapaian Prestasi Praktikum	61
4.4.1	Pencapaian Prestasi Praktikum Mengikut Faktor Jantina	61



4.4.2	Perbezaan Pencapaian Prestasi Praktikum dengan Faktor Jantina	62
4.4.3	Perbezaan Pencapaian Prestasi Praktikum dengan Faktor Bangsa	62
4.5	Perbezaan Pencapaian Prestasi Antara Kerja Kursus Dengan Praktikum	63
4.5.1	Ujian t- Perbezaan Pencapaian Prestasi Antara Kerja Kursus Dengan Praktikum	63

## **BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	65
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	66
5.2.1	Rumusan Latar Belakang Responden	66
5.2.2	Pencapaian Prestasi Kerja Kursus	67
5.2.3	Pencapaian prestasi dalam praktikum	69
5.2.4	Perbezaan pencapaian prestasi antara kerja kursus dengan praktikum	72
5.3	Cadangan Pengkaji	75
5.4	Cadangan Lanjutan	76
5.5	Penutup	77

<b>RUJUKAN</b>	79
----------------	----

### **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Model Konseptual Pendidikan Guru	15
2.2	Matlamat Model Konseptual	16
2.3	Komponen kurikulum KPLI Sekolah Rendah	16
2.4	Struktur kursus KPLI Sekolah Rendah	18
2.5	Jenis Penilaian KPLI Sekolah Rendah	19
2.6	Markah, Gred dan Nilai Mata Gred	19
2.7	Kriteria Pangkatan	20
2.8	Kandungan Sukatan Pelajaran	21
2.9	Tahap pembinaan ilmu	27
2.10	Rubrik Kerja kursus	36
3.1	Jumlah responden	48
3.2	Analisis data	50
3.3	Analisis inferensi	51
3.4	Kalendar Kajian	53
4.1	Responden Mengikut Jantina dan Tahun	55
4.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa dan Tahun	56
4.3	Taburan responden Mengikut Bangsa dan Jantina	57
4.4	Prestasi Kerja Kursus Mengikut Faktor Jantina	58

4.5	Analisis Ujian t Perbezaan Prestasi Kerja Kursus dengan Faktor Jantina	59
4.6	Analisis Ujian t ANOVA Sehal Perbezaan Pencapaian Prestasi Kerja Kursus dengan Faktor Bangsa	60
4.7	Prestasi Praktikum Mengikut Faktor Jantina	61
4.8	Analisis Ujian t Perbezaan Pencapaian Prestasi Praktikum Dengan Faktor Jantina	62
4.9	Analisis ANOVA Sehal Perbezaan Pencapaian Prestasi Praktikum dengan faktor Bangsa	62
4.10	Statistik Sampel Berpasangan	63
4.11	Korelasi Sampel Berpasangan	63
4.12	Ujian Sampel Berpasangan	64

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Kajian	9
2.1	Model Konseptual Kerja Kursus	26
2.2	Tahap Pembelajaran Dalam Tugas Kerja Kursus	28
2.3	Perincian Pemeringkatan Tugas Kerja Kursus	28
2.4	Carta Aliran KKBI	35
2.5	Konsep Program Latihan Mengajar	38
4.1	Bilangan Responden Mengikut Jantina dan Tahun	55
4.2	Bilangan Responden Mengikut Bangsa dan Tahun	56
4.3	Bilangan Responden Mengikut Bangsa dan Jantina	57

**DAFTAR KATA RINGKAS**

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPPD	Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
KK	Kerja Kursus
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KTI	Kampus Temenggong Ibrahim
LPPG	Lembaga Peperiksaan Pendidikan Guru
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
SPSS	The Statistical Package for the Social Sciences
SR	Sekolah Rendah

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Induk Keputusan Peperiksaan (BIKP) KPLI SR Pengkhususan Matematik mulai ambilan 2003 hingga 2008.	95
B	Surat Kelulusan Mengikuti Kursus Secara Sambilan Daripada Bahagian Pendidikan Guru	104
C	Surat kebenaran daripada Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Kemanterian Pelajaran Malaysia untuk membuat kajian di IPGM Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru.	106

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Sejarah telah membuktikan bahawa kemunculan Tamadun Latin, India, China, Mesir dan Tamadun Islam adalah berkait rapat dengan kemajuan ilmu dalam masyarakat tersebut (Abd Rahman, Nawawi, Omardin dan Arip, 1995).

Agama islam sendiri turut memberi penekanan dan keutamaan terhadap ilmu pengetahuan yang turut dinyatakan di dalam Alquran dan hadis-hadis Nabi Muhamad saw. Misalnya ayat Alquran yang pertama sekali diturunkan dalam surah 96 adalah bermaksud bacalah, yang membawa pengertian tentang ilmu pengetahuan (Mohamad Kayum, 2007). Ini turut disokong oleh hadis Nabi Muhamad s.a.w, tentang tanggungjawab orang islam menuntut ilmu adalah sepanjang hayat, dan belajar walaupun jauh hingga ke China (Abdul Fattah,2001).

Dalam zaman keagungan islam, Baghdad, Kahirah dan Cordova di Sepanyol telah muncul sebagai pusat perkembangan pelbagai disiplin ilmu. Ibnu Sinna, AlFarabi, Ibnu Khaldun adalah antara beberapa tokoh ilmuan yang lahir pada zaman

keagungan islam di mana karya-karya mereka telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa dan masih dijadikan sebagai sumber rujukan hingga ke hari ini. Kepesatan kemajuan ilmu pengetahuan telah menyebabkan islam telah muncul sebagai kuasa ekonomi dan politik dunia suatu ketika dahulu (Abdullah,1976).

Begitu juga selepas Perang Dunia ke 2, Jepun dan Jerman yang mengalami kemusnahan yang teruk telah bangkit semula dan seterusnya muncul sebagai negara maju dalam tempoh kurang daripada 20 tahun. Jepun sendiri telah diiktiraf sebagai gergasi dunia dalam pelbagai bidang seperti otomotif, teknologi dan sebagainya. Malah ada yang berpendapat, jika tidak kerana perjanjian antara Jepun dengan Pihak Bersekutu yang mengisytiharkan Jepun kalah dalam perang dan dihalang daripada membangunkan senjata ketenteraan, pasti Jepun juga akan muncul sebagai gergasi dunia dalam bidang ketenteraan(Rajendran,1988). Antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan Jepun bangkit semula dan seterusnya menjadi sebuah negara maju adalah kemajuan ilmu pengetahuan dikalangan rakyat negara tersebut. Tahap ilmu pengetahuan yang tinggi telah melahirkan rakyat yang berdayasaing, tidak berputus asa, gigih, kreatif, positif serta berpandangan jauh yang melihat kemusnahan akibat peperangan sebagai peluang untuk menempa kejayaan yang lebih gemilang( Afifah, 1999).

Berdasarkan pengalaman Jepun itu telah mendorong Dato' Sri Dr Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia memeperkenalkan Dasar pandang ke Timur pada tahun 1983. Melalui dasar tersebut diharapkan rakyat Malaysia akan mencontohi sikap orang Jepun dalam memajukan negara mereka. Lantaran itu cita-cita untuk membina negara Malaysia yang maju hanya dapat dicapai jika rakyat Malaysia memiliki tahap ilmu pengetahuan yang tinggi seperti di Jepun (Nazlifa, 1993).

Bagi melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan sudah semestinya memerlukan sistem pendidikan yang berkualiti, mantap dan unggul (Mok, 2003). Bagi tujuan itu, Kementerian Pelajaran menyedari bahawa sistem pendidikan yang



berkualiti tidak akan tercapai tanpa dukungan para guru yang berkualiti dalam semua peringkat persekolahan di Malaysia. Seajar dengan hasrat tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan KPLI SR pada Januari 2003 yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah ( BPG, 2003).

Mulai Januari 2004, bermulanya era baru dalam bidang pendidikan di Malaysia apabila kumpulan pertama lulusan KPLI SR ditempatkan mengajar di sekolah kebangsaan.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Pandangan umum bahawa profesion keguruan dianggap sebagai suatu profesion yang mudah kerana waktu kerja separuh hari sahaja dan mendapat tempoh masa cuti yang agak lama. Malah ada pula segelintir masyarakat yang berpendapat bahawa profesion perguruan merupakan satu profesion paling senang dan mudah diperolehi. Savoy (1990), telah menyangkal tanggapan umum ini dengan mengatakan bahawa profesion pendidikan adalah berat dan mencabar serta bersifat dinamik. Kaedah, strategi dan teknik mahupun aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dianggap baik dan berkesan pada hari ini akan menjadi tidak relevan pada masa hadapan. Perkara ini juga pernah ditegaskan lebih 1400 yang lampau oleh Syaidina Umar Alkhattab yang menyebut “didiklah anak kamu mengikut zamannya bukan mengikut zaman kamu” (Abd Rahman, Nawawi, Omardin dan Arip, 1995)

Profesion keguruan adalah satu profesion yang memerlukan perhatian dan kajian yang berterusan kerana di sinilah letaknya kekuatan dalam memastikan setiap proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di sekolah adalah berkesan dan sentiasa relevan dengan keperluan semasa. Kegagalan memahami keperluan dan

kesesuaian latihan perguruan mengikut keperluan semasa akan menyebabkan sistem pendidikan kita menjadi lesu, tidak berdaya saing dan akhirnya gagal mencapai matlamat melahirkan modal insan yang berkualiti yang diharapkan untuk memacu kemajuan Malaysia dalam segala bidang menjelang tahun 2020 (Mok, 2009).

Latihan mengajar atau praktikum yang mereka lalui di sekolah adalah sebagai satu medan yang terbaik bagi mereka mengaplikasi segala teori dan ilmu yang diperolehi semasa di IPGM. Ini adalah bagi memastikan para lulusan menguasai teori atau kandungan ilmu dalam mata pelajaran major dan seterusnya dapat diaplikasikan dalam bilik darjah semasa menjalani latihan mengajar (Mok, 2006).

Mok (2006), keselarasan kandungan antara matapelajaran pengkhususan dengan praktikum yang melibatkan penguasaan ilmu atau teori dalam matapelajaran pengkhususan matematik dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam praktikum seperti pedagogi, psikologi, pengurusan sumber, daya kreativiti serta pemupukan nilai-nilai murni yang dapat memenuhi dan memuaskan kehendak pelanggan iaitu pihak sekolah dan ibu bapa. Menurut Geringer (2003), guru yang baik dan berkualiti adalah satu-satunya faktor penting yang mempengaruhi pembelajaran murid berbanding dengan faktor-faktor lain seperti saiz kelas dan kewangan. Beliau juga turut menekankan, guru perlu bersemangat tinggi dalam subjek yang diajar, berdisiplin tinggi dan melalui latihan keguruan yang profesional supaya dapat menarik minat murid dalam pembelajaran.

Menurut Mok (2006), dalam memastikan sistem pendidikan Malaysia mantap, efisien dan sentiasa relevan, penguasaan ilmu yang mencakupi pelbagai kemahiran terutamanya dalam seni pengajaran dan pembelajaran dikalangan para guru hendaklah sentiasa diberikan keutamaan oleh pelbagai pihak yang berkepentingan seperti Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Nazir, Pengurusan Sekolah dan Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG). Program peningkatan profesionalisme keguruan dikalangan para guru hendaklah dijadikan agenda utama

secara berterusan supaya kualiti pendidikan dapat dipertingkatkan dan diperkembangkan(Tajul Ariffin,2003).

Menurut Mok (2006), institusi yang bertanggungjawab dalam menyediakan latihan perguruan kepada bakal-bakal guru hendaklah sentiasa membuat penilaian program secara berterusan terhadap latihan yang dijalankan supaya penambahbaikan program latihan kepada bakal guru dapat dipertingkatkan bagi memenuhi hasrat Malaysia melahirkan sistem pendidikan bertaraf dunia tercapai.

Keperluan dan cabaran dalam dunia pendidikan sentiasa berubah dan berkembang. Kegagalan Malaysia untuk berubah mengikut keperluan dan berpuashati terhadap apa yang dijalankan selama ini akan menyebabkan sistem pendidikan Malaysia ketinggalan dan tidak berdayasaing.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian adalah:

- i. Adakah pencapaian prestasi guru pelatih dalam kerja kursus turut dipengaruhi oleh faktor jantina dan bangsa?
- ii. Adakah pencapaian guru pelatih dalam praktikum turut dipengaruhi oleh faktor jantina dan kaum?
- iii. Adakah berlaku perbezaan pencapaian prestasi antara kerja kursus dengan praktikum ?

- iv. Adakah guru pelatih yang mencapai prestasi yang tinggi dalam kerja kursus akan turut mencapai prestasi yang baik dalam praktikum?
- v. Adakah guru pelatih yang mencapai prestasi rendah dalam kerja kursus akan turut mencapai prestasi yang rendah dalam praktikum?

Hasil kajian akan menentukan samada berlaku perbezaan atau persamaan pencapaian prestasi antara kerja kursus dengan praktikum. Jawapan kepada persoalan ini adalah penting supaya strategi boleh dirancang untuk membantu guru pelatih mencapai prestasi yang tinggi dalam kerja kursus dan praktikum. Persoalan adakah terdapat perbezaan pencapaian prestasi kerja kursus dengan praktikum dikalangan guru pelatih telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah untuk

- i. mengenalpasti tahap pencapaian prestasi kerja kursus guru pelatih KPLI SR Pengkhususan Matematik di IPGM Kampus Temenggong Ibrahim mengikut jantina dan bangsa.
- ii. mengenalpasti tahap pencapaian prestasi praktikum guru pelatih KPLI SR Pengkhususan Matematik di IPGM Kampus Temenggong Ibrahim mengikut jantina dan bangsa.
- iii. mengenalpasti perbezaan pencapaian prestasi antara Kerja Kursus dengan praktikum dikalangan guru pelatih KPLI SR Pengkhususan Matematik di IPGM Kampus Temenggong Ibrahim.

## 1.5 Hipotesis Kajian

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian prestasi kerja kursus mengikut jantina dan bangsa
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian prestasi praktikum mengikut jantina dan bangsa
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian prestasi kerja kursus dengan praktikum

## 1.6 Kepentingan Kajian

Melalui kajian ini akan dapat dikenalpasti tahap pencapaian prestasi guru pelatih dalam kerja kursus dan praktikum bagi KPLI SR Pengkhususan Matematik. Perbandingan juga akan dibuat terhadap perbezaan pencapaian prestasi antara kerja kursus dengan praktikum.

Diharapkan melalui dapatan kajian ini akan dapat membantu Bahagian Pendidikan Guru dan IPGM yang bertanggungjawab dalam melaksanakan program latihan perguruan meningkatkan kualiti latihan dan pendidikan guru melalui pelbagai strategi dan pendekatan tertentu yang bersesuaian dengan kehendak masyarakat dan aspirasi negara. Perkara ini turut ditegaskan oleh Mok (2006), yang menyebut bahawa kajian semula pelaksanaan sesuatu program latihan perguruan selepas sesuatu tempoh program itu dilaksanakan adalah amat penting bagi memastikan

pengetahuan dan kemahiran guru itu bersesuaian dengan kehendak pelanggan iaitu pihak sekolah dan masyarakat.


### **1.7 Skop dan Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan keatas pengkhususan matematik bagi KPLI SR di IPGM Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru untuk lima kohot mulaiambilan Januari 2003 hingga Januari 2008. Kajian hanya dibataskan kepada data dalam Borang Induk Keputusan Peperiksaan (BIKP) KPLI SR ambilan Januari 2003, Januari 2004, Januari 2005, Januari 2006, Januari 2007 dan Januari 2008.

Kajian ini hanya menggunakan analisis dokumen, jadi kajian ini tidak melibatkan pertemuan pengkaji dengan pelajar-pelajar di bilik-bilik kuliah. Kajian ini hanya menggunakan analisis diskriptif seperti peratus, min, kekerapan dan korelasi melalui program spss. Dapatan kajian ini dapat mewakili keseluruhan pencapaian prestasi kerja kursus dan praktikum bagi pengkhususan matematik untuk setiap kohot.

### **1.8 Kerangka Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan kepada krangka kajian seperti yang dinyatakan dalam jadual 1.1. Pencapaian prestasi kerja kursus dan prestasi praktikum akan dikaji samada dipengaruhi oleh faktor jantina dan kaum. Seterusnya pengkaji juga akan melihat perbezaan pencapaian prestasi antara kerja kursus dengan praktikum.



**Rajah 1.1:** Kerangka Kajian

### 1.9 Definisi Konsep

Dalam bahagian ini akan dijelaskan makna istilah pencapaian prestasi, kerja kursus, praktikum dan pengkhususan matematik.

### 1.9.1 Pencapaian prestasi

Kamus Dewan (1994), pencapaian bermaksud sesuatu yang telah berjaya dilaksanakan dengan usaha dan ketekunan, sementara prestasunya pula bermaksud hasil dan mutu yang diperolehi daripada melaksanakan sesuatu.

Yap, Wan, Ismail (1991) menyatakan pencapaian prestasi adalah skor yang diperolehi melalui sesuatu ujian atau peperiksaan bagi mengenal pasti kekuatan atau kelemahan.

Noor Azizah (1998) menjelaskan bahawa pencapaian prestasi adalah tahap kecekapan yang dicapai dalam bidang akademik iaitu yang berkaitan dengan hal-hal yang berhubung dengan hal-hal pendidikan formal.

Sementara Mavis (2005) menyatakan pencapaian prestasi adalah sesuatu usaha ataupun perolehan pencapaian dalam bidang pelajaran secara formal melalui daya usaha di tahap-tahap tertentu sama ada di sekolah atau pun di pusat pengajian tinggi.

Kerlinger (1989) pula menyatakan pencapaian prestasi sebagai ujian pencapaian yang diselaraskan dengan menggunakan skor atau gred atau pangkat yang diperolehi oleh pelajar atau dengan menggunakan penilaian guru.

Berdasarkan definisi yang dinyatakan, boleh dirumuskan bahawa pencapaian prestasi adalah kejayaan seseorang guru pelatih memperolehi gred atau skor melalui ujian atau peperiksaan. Dalam kajian ini, pencapaian prestasi adalah skor atau gred yang dicapai oleh pelajar dalam kerja kursus dan praktikum.



### **1.9.2 Kerja Kursus**

Kerja kursus merupakan sebahagian daripada tugas pembelajaran untuk memenuhi keperluan kurikulum kursus latihan keguruan. Ia merupakan satu komponen kurikulum yang berfungsi mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kerja kursus boleh terdiri daripada pelbagai bentuk dan perlu dilaksanakan secara berterusan sepanjang kursus (BPG, 2004).

Kerja kursus boleh ditakrifkan sebagai koleksi hasil tugas pelajar yang memberi gambaran tentang sejarah, usaha pelajar dan pencapaiannya dalam bidang tertentu, termasuk pemilihan bahan kandungan, garis panduan pemilihan, kriteria dan bukti refleksi sendiri pelajar (Mok, 2000).

Kesimpulannya, pelaksanaan kerja kursus adalah satu cara memperkukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran dengan mengintegrasikan pengalaman dan aktiviti pembelajaran. Pelajar perlu sedar tentang matlamat kerja kursus diadakan iaitu untuk meningkat penguasaan ilmu dan kemahiran, memupuk budaya ilmu, budaya berfikir aras tinggi melalui perkongsian pintar antara pelajar dengan pelajar, pelajar dengan pensyarah, pelajar dengan bahan dan dengan masyarakat. Dalam kajian ini tumpuan akan diberikan kepada kerja kursus mata pelajaran pengkhususan matematik.

### **1.9.3 Praktikum**

Menurut Zeichner (1986), praktikum atau latihan mengajar adalah untuk menyediakan guru pelatih mencapai satu tahap kompetensi bagi tujuan

perkembangan professional. Sementara Price (1987), praktikum adalah menyediakan peluang kepada guru pelatih mencuba dan seterusnya memperbaiki teknik pengajaran yang berbagai.

Praktikum dianggap dapat menghubungkan teori dengan amalan yang bertujuan membantu guru pelatih menjadi guru permulaan yang berkesan. Melalui praktikum guru pelatih didedahkan kepada pelbagai aspek yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam atau di luar bilik darjah, pengalaman berinteraksi dan berkomunikasi sama ada di dalam atau di luar bilik darjah serta pembentukan sikap yang selari dengan profesion keguruan (Tisher, 1987).

Berdasarkan definisi yang dinyatakan dapatlah dirumuskan bahawa praktikum adalah satu program latihan secara klinikal untuk menyediakan guru pelatih dengan kemahiran mengajar yang diperlukan melalui gabungan antara teori dan amali pengajaran dan pembelajaran. Melalui program praktikum juga diharapkan guru pelatih dapat mengaplikasikan pelbagai strategi, kaedah dan teknik pengajaran seterusnya dapat memupuk sikap positif bagi meningkatkan jati diri yang bersesuaian dengan profesion keguruan.

#### **1.9.4 Pengkhususan Matematik**

Kamus Dewan (1994), pengkhususan adalah sesuatu hal atau perkara yang khas yang merujuk kepada bidang-bidang atau kepakaran yang tertentu sahaja. Sementara matematik pula adalah suatu disiplin ilmu pengetahuan mengenai nombor, bentuk, susunan, nilai, hubungan dan lain-lain dengan menggunakan simbol.

BPG (2003), pengkhususan matematik adalah bidang kursus wajib dalam program latihan perguruan siswazah yang merangkumi segala teori, pengetahuan, kemahiran dan nilai yang bersesuaian dengan profesion keguruan yang berkaitan dengan disiplin matematik. Tujuannya ialah untuk melahirkan seorang guru yang berkebolehan, berketrampilan menyampaikan pengetahuan matematik secara berkesan tetapi juga boleh menjadi fasilitator dalam menyatupadukan teknologi maklumat melalui perisian komputer dan internet dalam pengajaran dan pembelajaran matematik.

## RUJUKAN

Abdullah Siddiq (1976), *Islam dan Ilmu Pengetahuan*, Dewan Bahasa Dan Pustaka

Abdul Fattah Abu Guddah (2001), *Nabi Muhammad: guru dan pendidikan terunggul*. Terjemahan Hj Shuhadak Mahmud,, M.Khairi Enterprise.

Abdul Rahman Nawas, Nawawi Muhamad, Omardin haji Ashaari & Arip Saaya, (1995), *Tamadun Islam*, Pustaka Haji Abd Majid.

Abu Zahari Abu Bakar. (1988). *Memahami Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Afifah Abu Yazid (1999), *Tamadun Asia*, PTS Publishing,

Airasian, Peter, W. (1994). *Classroom Assessment* (2nd ed.). New York: McGraw Hill Inc.

Anastasi, A. (1982). *Psychological testing* (5th ed.). New York, NY: Macmillan.

Atan Long (1991). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Amiza Publishing Sdn. Bhd

Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd.

Bahagian Pendidikan Guru (2002) *Sukatan Pelajaran Matematik (Major) KPLI Sekolah Rendah*, Putrajaya, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Pendidikan Guru (2003), *Struktur Kursus KPLI Sekolah Rendah*, Putrajaya, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Pendidikan Guru (2004), *Panduan Pelaksanaan Kerja Kursus*, Putrajaya, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Pendidikan Guru (2005), *Peraturan dan Prosedur Pelaksanaan Praktikum Kursus KPLI Sekolah Rendah*, Putrajaya, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Pendidikan Guru (2007), *Modul Kerja Kursus Berasaskan Ilmu (KKBI)*, Putrajaya, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar( 2006). *Pendidikan Di Malaysia : Memartabatkan Kecemerlangan Pendidikan Negara*. Putrajaya : Kementerian Pelajaran Malaysia

Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar, Kementerian Pelajaran Malaysia  
(2006). *Rancangan Malaysia Ke-9 : Pelan Induk Pembangunan Pendidikan  
2006 2010*. Putrajaya : Kementerian Pelajaran Malaysia

Bussey, K., & Perry, D.G ( 1982 ), Same Sex imitation: The avoidance of cross- sex  
models or the acceptance of same – sex models, Sex Roles.

Bussey, K., & Bandura ( 1984 ), *Gender constancy, social power, and sex-linked  
modelling*. Journal of Personality and social Pyschology.

Boyatzis, R. E. (1982), *The competent manager: a model for effective performance*.  
John Wiley & Sons, New York

Chee Kim Mong (2006), *Relationship between students learning  
And teacher's teaching of mathematics:Compatibilities or mismatches*.  
Jurnal Pendidikan GERAK Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang.

Chua Yan Piaw (2006). *Asas Statistik Penyelidikan. Buku 2*. Kuala Lumpur :  
McGraw Hill Education.

Chua Yan Piaw (2008). *Asas Statistik Penyelidikan. Buku 3*. Kuala Lumpur :  
McGraw Hill Education.

- Cinamon, G.R., Rich, Y. & Westman, M. (2007). Teacher Occupational-Specific Work – Family Conflict. *ProQuest Educational Journal*. 55. 249. The Carrer Development Quarterly.
- Danielson, C. (1996). *Enhancing Professional Practice: A Framework for Teaching*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Denis Hayes (1999). *Planning, Teaching and Class Management in Primary Schools* (2<sup>nd</sup> edition) : David Fulton Publishers
- Danielson, C. (1996). *Enhancing Professional Practice: A Framework for Teaching*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Dewan Bahasa dan Pustaka [DBP]. (1985). *Kamus dwibahasa bahasa Inggeris-bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka [DBP]. (1994). *Kamus dewan (edisi ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dewey, J (1933), *How we Think: A restatement of the relation of reflective thinking to the educative process*. Boston: D.C Health.

Dwyer C.A (1997), *Influence of childrens sex role standard on reading and mathematics achievement*. Journal Education of psychology.

Eccleston, G., Borkin, I. dan Burrows, A. (1990). Sex-related Differences in Academic Performance at GCE(A-)Level. *Educational Research*

Faridah Karim (1999). *Peramal Burnout di Kalangan Pensyarah: Faktor Latar Belakang, Tekanan di Peringkat Organisasi dan Sokongan Sosial* : Jurnal Pendidikan vol. 24 ms 1-23 Mei, Penerbit UKM Bangi.

Fraenkel, J.R., and Wallen, N.E., (1996), *How to Design and Evaluate Research*. USA : Mc. Fraw-Hill Inc.

Fulmer, R.M., & Conger, J.A. (2004). *Growing Your Company's Leaders*. New York, NY: American Management Association.

Gall, M. D., Gall, J. P., & Borg, W. R. (2007). Educational research: An introduction.(8 th edition). Boston : Pearson/Allyn & Bacon . Hewitt, J. & Peters, V. (2006). *Using wikis to support knowledge building in a graduate education course*. In E. Pearson & P. Bohman (Eds.), Proceedings of World Conference on Educational Multimedia, Hypermedia and Telecommunications 2006 (pp. 2200-2204). Chesapeake, VA: AACE.



Gege, N.L dan Berliner, D.C (1984). *Educational Psychology*, Boston's Houghton Mifflin.

Geringer (2003) *Reflection on Professional development and Towards High-quality teaching and learning* .Ohio Delta Kappan

Gonczi, A. (1999). *Competency-based learning*. In D. Boud and J. Garrick (eds.) *Understanding Learning at Work*. London: Routledge.

Gonczi, A. and Hager, P. (1991). *Competency based standards: a boon for continuing professional education*. *Studies in Professional Education* 13 (1)

Gonczi, A., Hager, P. and Oliver, E. (1990). *Establishing Competency Based Standards in the Professions*. Canberra: Australian Government Publishing Service.

Graziano, M. A. & Raulin, L. M. (2007). *Research Methods. A Process of Inquiry. Sixth Edition*. New York : Pearson Ally and Bacon.

Gustafson, K.L. & Branch, R.M. (2002). *Survey Of Instructional Development Models*. Syracuse, New York : ERIC Clearinghouse On Information and Technology. ERIC : ED 477 517

Hall,E (1988), *Human Relations in education*, Routledge, London

Harding, Jan. (1979). *Sex differences in examination performance at 16+*. *Physics Education*, 14, 280–288.

Hughes, Ronald C. and Judith S. Rycus (1989). *Target Competent Staff: Competency-Based Inservice Training for Child Welfare*. Washington, DC: Child Welfare League of America.

Ibrahim Mamat (2001). *Rekabentuk dan pengurusan Latihan. Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ivy Teo, Patimah Bustamam, Sardi Ahmad dan Azhar Md Sabil (2006), *Persepsi Guru Pelatih Maktab Perguruan Batu Lintang Terhadap Keberkesanan Kerja Kursus Berasaskan Ilmu. Jurnal Penyelidikan Institut Perguruan Batu Lintang*

Johnson, B. & Christensen, L. (2000). *Educational Research : Qualitative and Quantitative Approaches*. Needham Heights, MA. Ally and Bacon.

Jules, V. & K.P, (1997), *Students perception of a good teacher. The gender perspective*. *British Journal of education Pyschology*.

Kerlinger, F.N (1989), *Foundation of behavioral reasearch*. Fort Worth: Harcourt  
Brace Jovannovich.

Kim, T. S. (1996). *Perhubungan di antara gaya kognitif, kumpulan etnik, jantina dan pencapaian matematik murid-murid sekolah rendah*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Klemp, George L. (1981). *Job Competence Assessment: Defining the Attributes of The Top Performer*. Alexandria, VA: American Society for Training and Development, Vol. No. 8.

Lembaga Peperiksaan Pendidikan Guru(1999), *Perintah Lembaga Peperiksaan Pendidikan Guru*, Bahagian Pendidikan Guru, Damansara

Lodico, M.G., Spaulding, D.T. & Voegtle, K.H. (2006). *Methods In Educational Research. From Theory To Practice*. San Francisco, California : Jossey-Bass.  
A Wiley Imprint

M. Rajendran (1988), *Sejarah Jepun*, Arenabuku Sdn Bhd.

Macintosh, H. G. (1974). *Techniques and Problems of Assessment*. London: Edward  
Arnold Publication.

- Mahadavan A/L Marimuthu (1990), *Kajian keberkesanan kursus dalam Perkhidmatan untuk guru-guru mata pelajaran kemahiran hidup*. Universiti Teknologi Malaysia
- Mavis Janang(2005), *Hubungan Dimensi Personaliti Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Di Kota Samarahan*. Latihan Ilmiah Sarjana Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mizan Adilah Ahmad Ibrahim (1992), *Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di Sekolah*, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohamad Kayum B.A. Badaruddin(2007) *Kenapa Al Quran*, Chaya Idaman Enterprise
- Marcoulides, G.A & Heck, R.H. (1996), *School culture and performance, testing the variance of a model school effectiveness and school improvement*.
- McBurney, H. D., & White, L. T. (2007). *Research Methods*. United State of America : Thomson Wadsworth.
- McClelland, D. C. (1973), *Testing for competence rather than for intelligence* : American Psychologist, January, p1-14.

- McLagan, P. (1989). *Models for HRD Practice*. Alexandria, VA: The American Society for Training and Development.
- McMillan, H. J. (1996). *Educational Research Fundamentals For the Consumer. Second Edition*. United State of America : Harper Collins College Publishers.
- Mertens, D.M. (2005). *Research and Evaluation in Education and Psychology. Integrating, Diversity with Quantitative, Qualitative and Mixed Methods. 2<sup>nd</sup> Edition*. United Kingdom : SAGE Publications Inc.
- Metanin, M. Collier C, (2003) *Longitudinal analysis of preservice Teacher's belief about teaching Physical Education*.
- Michelle R. Ernis (2008). *Competency Model : A Reviews of the Literature and the role of the Employment and Training Administration (ETA): American Labour Department*
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (1993), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan, c.2*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mok Soon Sang (2000) *KPLI Semester 1*, Kumpulan Budiman, Subang Jaya

Mok Soon Sang (2003) *A Primary education course in mathematics for post graduate diploma (KPLI)*, Kumpulan Budiman

Mok Soon Sang (2006) *Nota Pengurusan Pengajaran-Pembelajaran untuk Pensyarah, Nazir dan Penyelia Sekolah*, Penerbit Multimedia Sdn Bhd

Mok Soon Sang (2008) *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah laku*, Penerbit Multimedia Sdn Bhd

Mok Soon Sang (2009) *Teks Komprehensif PTK Pengajaran dan Pembelajaran*  
Penerbit Multimedia Sdn Bhd

Moore, Kenneth, d (1989), *Classroom teaching skills: a primer*. Random House

Murad, M. N. (1984). *Dasar pelajaran kebangsaan dalam konteks peningkatan prestasi pelajar-pelajar keseluruhannya*. Kertas Kerja yang dibentang dalam Seminar Pencapaian Akademik Pelajar-pelajar Bumiputera di Tanahair, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 10–12 Februari.

Nazlifa Md Ali (1993), *Pemindahan Teknologi dan Pengurusan Jepun ke Negara-negara Asean*, DBP, KL.

- Nel, J. (1992). *Pre-service teacher resistance to university. Need to reconsider instructional methodologies*. *Journal of Instructional Psychology*.
- Noor Azizah bt Abdul Aziz (1998), *Satu tinjauan tentang hubungkait antara sikap dengan pencapaian akademik pelajar 4SPH, UTM, Projek Sarjana Muda yang tidak diterbitkan*: Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Norazren, Hassan, Ruzman, (2007). *Tahap kompetensi pensyarah menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P)*. Universiti Teknologi Malaysia
- Noresah Baharom (1994). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Selangor : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Oppenheim, C. (1995). The correlation between citation counts and the 1992 Research Assessment Exercise ratings for British library and information science university departments. : *Journal of Documentation*, 51(1), 18-27.
- Oppenheim, C. (1996). *Do citations count? Citation indexing and the Research Assessment Exercise (RAE)*. : *Serials*, 9(2), 155-161.
- Oppenheim, C. (1997). *The correlation between citation counts and the 1992 Research Assessment Exercise ratings for British research in genetics, anatomy and archaeology*. : *Journal of Documentation*, 53(5), 477-487.

Pusat Perkembangan Kurikulum(2002), *Sukatan Pelajaran Matematik Tingkatan 4*,  
Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya.

Pusat Perkembangan Kurikulum(2004), *Kerja Kursus Dan Pentaksiran*.  
Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya.

Poirier,C.F (1992), *Student teacher's Voice Reflection of Power-Journal*  
of Education for Teaching.

Price D.A (1987), *The practicum and supervision, in K.K ELTIS (Ed)*, Australian  
Teacher Education and Review.

Rashidi Azizan dan Abd Razak Habib (1995), *Pengajaran dalam bilik darjah*. Masa  
Enterprise

Robert E. Sibson (1999). *Increasing Employee Productivity* (New York: American  
Association)

Rohana Yusof (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Pahang: PTS Publications &  
Distributors Sdn Bhd



Saemah Rahman., Khartijah Bebe, & Arbain Muhajat. (2000). Pemikiran refleksi di kalangan guru pelatih semasa menjalani praktikum *Jurnal Penyelidikan Maktab Perguruan Islam*

Savoy, L (1990), *Source of stress on trainee lectures for higher education*. Journal of Higher Education.

Shahabudin Hashim (2003), *Pedagogi, strategi dan teknik mengajar berkesan*, PTS Publication.

Sharifah Alwiah Alsagoff. (1983). *Ilmu pendidikan pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.

Sharifah Md. Nor. (1992). *Faktor-faktor latar belakang yang berkaitan dengan pencapaian akademik*. *Pendidik dan Pendidikan*, 11, 61–69.

Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad (2005). *Pembinaan Modul : Bagaimana Membina Modul Latihan & Modul Akademik*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Sidek Mohd Noah (2005). *Pegujian & Penilaian Dalam Kaunseling : Teori & Aplikasi*. . Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Sidek Mohd Noah (2007). *Reka Bentuk Penyelidikan. Teori, Falsafah & Praktis*.  
Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia

Sparks, D. (1994). *A paradigm shift in staff development*. Journal of Staff  
Development, 15(4), 26-29.

Stiggins, Richard J. (1997). *Student Centered Classroom Measurement*. New  
Jersey: Prentice Hall.

Tajul Ariffin Nordin (2003), *Pemikiran Dalam Pendidikan*, Bangi, UKM.

Taylor, R., P. (1980) 'Introduction', in Taylor, R., P. (Ed) *The Computer in the  
School: Tutor, Tool, Tutee*, New York: Teachers College Press, pp.1-10.

Teuku Iskandar. (1986). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan  
Pustaka.

Tisher K.P (1987), *Australian Research on the practicum during the last decade*.  
South pacific Journal of Teacher Educational.

UNESCO (2008). *ICT Competencies Standard For Teachers: Policy Framework*.  
Unesco Pub.

Walter G. Stephan (1978). *Education Programs for Improving Intergroup Relations: Theory, Research and Practice*. Multicultural Education Series

Wan Azmi Ramli (1994). *Pengurusan Masakini*. Edisi 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yap Yee Kwan, Wan Chwee Seng dan Ismail Abu Bakar 1991, *Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan*, Longman

Yaxley, B.G. (1991) *Developing teachers' theories of teaching*. London: Falmer Press.

Zeichner, K (1986) The Practicum as an Occasion for learning to teach. *South Pacific journal of Teacher Education*.

Zeliha Musa, Shirley Goh, & Abdul Shukur Ahmad (1999). Pengetahuan dan Kefahaman Pensyarah Maktab Perguruan tentang Kerja Kursus Berportfolio. *Jurnal Penyelidikan Institut Perguruan Batu Lintang*